



PEJABAT SETIAUSAHA POLIS MALAYSIA  
IBU PEJABAT POLIS DIRAJA MALAYSIA  
BUKIT AMAN  
50560 KUALA LUMPUR

Telefon: 03-2262 6003  
03-2262 6006  
Telegram: MALAPOL KUALA LUMPUR  
Telex: PDRM MA 30469  
Fax: 03-2272 5613

KPN (PR) 10/7

10 November 2008

Y.Bhg. Datin Paduka Zaitoon bt. Dato' Othman  
Pengerusi  
Siasatan Awam  
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia  
Tingkat 29, Menara Tun Razak  
Jalan Raja Laut  
50350 KUALA LUMPUR

**HUJAHAN BERTULIS POLIS DIRAJA MALAYSIA  
SELEPAS TAMAT ENKUARI AWAM BERKAITAN INSIDEN  
DI BANDAR MAHKOTA CHERAS PADA 27 MEI 2008**

Dengan hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dikemukakan sesalinan hujahan bertulis bagi pihak PDRM selepas tamat enkuari awam berkaitan insiden yang berlaku di Bandar Mahkota Cheras pada 27 Mei 2008 untuk makluman pihak Y.Bhg. Datin Paduka.

Sekian, terima kasih.

**"TEGAS, ADIL DAN BERHEMAH"**

**( DATO' AZIAN BIN YAHYA ) SAC I**  
Setiausaha Polis Malaysia  
b.p. Ketua Polis Negara  
Polis Diraja Malaysia

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)

# **HUJAHAN BERTULIS POLIS DIRAJA MALAYSIA SELEPAS TAMAT INKUARI SUHAKAM**

## **PENDAHULUAN**

Satu siasatan awam oleh SUHAKAM telah dijalankan pada 23 - 25 Julai 2008, dan disambung semula pada 27 - 29 Ogos 2008, di Pejabat SUHAKAM, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur, berkenaan dengan dakwaan bahawa polis telah menggunakan kekerasan melampau dalam insiden di Bandar Mahkota Cheras pada 27 Mei 2008. Seramai 26 orang saksi terdiri daripada 12 saksi awam dan 14 saksi polis telah memberi keterangan di hadapan panel siasatan Suhakam.

## **2. TERMA RUJUKAN PANEL SUHAKAM**

- 2.1. Untuk menyiasat sama ada terdapat pegawai penguatkuasa undang - undang dalam pelaksanaan tugas untuk mengekalkan undang - undang dan ketenteraman awam, telah menggunakan kekerasan yang melampau semasa kejadian di Persiaran Bandar Mahkota Cheras 1 di Bandar Mahkota Cheras, pada 27 Mei 2008.
- 2.2. Jika terdapat kekerasan yang melampau;
  - 2.2.1 Sama ada terdapat pencabulan hak asasi manusia mana - mana orang;
  - 2.2.2 Siapakah yang bertanggungjawab terhadap pencabulan ini.
- 2.3 Untuk mengesyorkan tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab dalam pencabulan hak asasi manusia orang - orang berkenaan.

## **3. LATAR BELAKANG KEJADIAN**

- 3.1 Pada 27 Mei 2008, jam lebih kurang 10.30 malam, lebih kurang 200 - 300 orang yang kebanyakannya terdiri dari penduduk Bandar Mahkota, Cheras, telah berkumpul menyuarakan bantahan terhadap penutupan jalan masuk ke Lebuhraya Grand Saga. Mereka menuntut tembok batu yang meyekat laluan tersebut dialihkan. Ekoran ini, satu Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) iaitu Trup 4C dari Cheras berjumlah 72 anggota yang diketuai oleh ASP KAMAL ARIFFIN BIN AMAN SHAH (W14) telah dikerahkan

untuk mengawal keadaan dibantu oleh kira - kira 50 orang pegawai dan anggota dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang, Selangor, di bawah perintah Ketua Polis Daerah (KPD) Kajang.

- 3.2 Keadaan dapat dikawal dengan baik tanpa sebarang insiden yang tidak diingini. Namun pada jam lebih kurang 11.30 malam, ketika satu sekysen FRU yang diketuai oleh P/KPL FARIZ BIN ABD SAMAD (W16) sedang berkawal di Pusingan U, yang berada kira - kira 100 meter dari tembok batu yang menyekat jalan berkenaan, telah datang sebuah kereta yang dipandu laju oleh 1 lelaki Cina dan 3 orang penumpang termasuk seorang perempuan Cina menghala ke kumpulan FRU tersebut. Kereta ini dikatakan telah melanggar 2 anggota FRU iaitu KONST MOHD AZNIEY BIN AHMAD SUFIAN (W20) DAN KONST MUHAMMAD FIRDAUS BIN AB RASHID (W24) sehingga mengalami kecederaan ringan di jari dan peha.
- 3.3 Melihat pelanggaran itu, sekumpulan anggota FRU dan anggota polis berpakaian preman yang berada hampir di tempat kejadian telah cuba menahan kereta tersebut dan mengarahkan pemandunya berhenti. Sebaliknya, pemandu tersebut yang kemudian dikenali sebagai CHANG JIUN HAUR (W1) enggan berhenti dan terus menekan pedal minyak seolah - olah mahu melarikan diri tetapi gagal kerana terdapat sebuah kereta lain di hadapannya. Setelah berhenti, pemandu dan penumpang kereta tersebut telah diarah keluar tetapi mereka enggan berbuat demikian. Ini menyebabkan pihak polis terpaksa menggunakan sedikit kekerasan mengeluarkan W1, dan CHAN SIEW MENG (W3) dari dalam kereta tersebut. Semasa proses tangkapan dibuat, telah berlaku pergelutan yang mengakibatkan W1 dan W3 mengalami kecederaan ringan. Penumpang lain dalam kereta tersebut adalah CHANG JIUN MEIN (W2 – adik perempuan W1) dan CHOK KEM HOQ (W7)

#### 4. ULASAN

- 4.1 Isu pertama iaitu untuk menyiasat sama ada terdapat pegawai penguatkuasa undang - undang dalam pelaksanaan tugas untuk mengekalkan undang - undang dan ketenteraman awam, telah menggunakan kekerasan yang melampau semasa kejadian di Persiaran Bandar Mahkota Cheras 1 di Bandar Mahkota Cheras pada 27 Mei 2008.
  - 4.1.1 PDRM berpendapat tiada kekerasan yang melampau digunakan oleh pegawai dan anggotanya dalam

pelaksanaan tugas untuk mengekalkan undang - undang dan ketenteraman awam, di Persiaran Bandar Mahkota Cheras 1 di Bandar Mahkota Cheras pada 27 Mei 2008. Ini adalah berdasarkan fakta-fakta berikut :-

- a. ASP KAMAL ARIFFIN BIN AMAN SHAH (W14) dalam keterangannya menyatakan telah sampai di persimpangan jalan masuk ke Bandar Mahkota Cheras, pada lebih kurang jam 9.50 malam 27 Mei 2008. Pada masa itu orang ramai berkumpul di tempat itu dan atas arahan Ketua Polis Daerah Kajang ACP MOHD SHAKARUDDIN BIN CHE MOOD (W17), W14 telah mengarahkan orang ramai yang berkumpul agar segera bersurai dengan bahasa yang berhemah. Sebilangan penduduk dan orang ramai mematuhi arahan tersebut manakala ada yang masih berkumpul di belakang 'barricade' di persimpangan jalan itu. Selepas itu, pihak FRU diarah mara ke pusingan 'U' di jarak lebih kurang 100 meter daripada persimpangan jalan masuk ke Bandar Mahkota Cheras. Kemudian seramai 24 anggota FRU telah membuat satu barisan melintang jalan raya sebelum pusingan 'U' untuk menghalang kenderaan daripada arah Bandar Mahkota Cheras menghampiri 'barricade' di persimpangan jalan masuk ke Bandar Mahkota Cheras.
- b. Situasi terkawal tanpa sebarang kejadian dan sekitar jam 11. 30 malam, 27 MEI 2008, sebuah kenderaan Wira nombor pendaftaran WDP 1594 yang dipandu laju dari arah Bandar Mahkota Cheras ke pusingan 'U', telah melanggar dua anggota polis iatu KONST. RF 148292 MOHD AZNIEY BIN AHMAD SUPIAN (W20) DAN KONST. RF 161391 MUHAMMAD FIRDAUS BIN ABD RASHID (W24).
- c. Selepas melanggar kedua anggota polis itu, kereta WDP 1594 yang dipandu oleh CHANG JIUN HAUR (W1) tidak memberhentikan kenderaannya. Sebaliknya beliau terus memecut kereta dengan bunyi ekzos yang kuat untuk melarikan diri dari tempat itu tetapi terhalang oleh sebuah kenderaan lain yang telah berhenti selepas pusingan 'U'. W1 telah menggerakkan keretanya ke depan dan belakang dua tiga kali untuk cuba melepasi halangan dihadapannya. Pada ketika ini, anggota FRU dan

anggota dari Balai Polis Kajang telah mengepung kenderaan W1 dan mengarahkan beliau dan penumpangnya untuk memberhentikan kenderaan itu serta keluar. Walaupun diminta beberapa kali, pemandu dan penumpang kereta itu enggan keluar dari kereta WDP 1594. Ini disahkan oleh Chok Kem Hoo (W7) yang berada di tempat duduk belakang di dalam kereta WDP 1594 yang nampak pihak polis menggunakan tanda isyarat berhenti serta meminta mereka keluar.

- d. Atas keengganan W1 untuk memberhentikan kereta itu, saksi KONST. RF 156306 EZEZ BIN JOHARI (W19) telah cuba untuk menarik kunci kereta melalui tingkap kereta, yang ketika itu terbuka serta cuba untuk membuka pintu kereta di sebelah kanan W1 tetapi tidak berjaya. Malah, kunci kereta tersebut telah patah. Melihat tindakan W19 itu, W1 telah menaikkan semula cermin tingkap sebelah kanan W1. Ini jelas membuktikan keengganan W1 bekerjasama dengan pihak polis. Selepas itu, untuk menjalankan tangkapan, FRU telah memecahkan cermin kereta tersebut. Tindakan ini selaras dengan peruntukkan undang - undang di bawah Seksyen 15 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ).
- e. Selepas cermin kereta itu dipecahkan, pintu telah berjaya dibuka. Saksi INSP. MUHAMMAD HASMIZAL BIN HASSAN (W18) telah cuba menarik W1 keluar dari kereta tersebut tetapi hanya berjaya menarik baju W1. Seterusnya W18 tarik W1 dengan memegang badan W1 tetapi W1 telah menendang W18 secara agresif dan melawan tindakan W18. Kali kedua W18 telah menarik W1 keluar dan dalam keadaan kelam kabut itu, muka W1 telah terlanggar pintu kereta sebelah kanan serta terjatuh ke depan di atas jalan tar. Perkara ini disokong oleh keterangan W18 dan W19. Kecederaan yang dialami oleh W1 adalah kerana mukanya telah terlanggar pintu kereta dan akibat terhentak ke jalan raya semasa pergelutan untuk menangkapnya, bukan disebabkan dipukul oleh anggota polis. Tindakan ini juga adalah sejajar dengan peruntukan undang - undang di bawah Seksyen 15 KTJ yang menyatakan mana - mana pegawai polis boleh menggunakan segala cara yang perlu untuk menjalankan tangkapan.

- f. Kecederaan yang dialami oleh W1 telah disahkan oleh keterangan Pegawai Perubatan yang merawat W1 iaitu DR. SUTHANANTHINI A/P LANKASUNDRAM (W4), yang mengatakan bahawa kecederaan itu boleh disebabkan oleh terjatuh, terhentak pada benda tajam atau ditumbuk pada mukanya. Ini adalah konsisten dengan keterangan W18 yang mengatakan dalam keterangannya bahawa muka W1 telah terlanggar pintu kereta dan terhentak pada permukaan jalan raya.
  - g. Dalam keterangan W1 dan W2, mereka menyatakan bahawa W1 telah tidak sedarkan diri akibat dipukul oleh pihak polis. Keterangan W1 dan W2 ini dapat disangkal melalui keterangan W2 dan W3 yang dalam keterangan mereka menyatakan W1 telah berjalan kaki bersama W3 dalam keadaan sedar ke arah bawah jambatan di mana sebuah kereta polis 'Black Maria' diletakkan. W1 juga telah menyeberangi 'barricade' dengan bantuan W3. Dalam eksibit E19 dapat dilihat dengan jelas dalam rakaman video bahawa W1 yang tidak memakai baju sedang berjalan bersama seorang yang lain dari kawasan pusingan 'U' ke arah 'barricade'. Saksi W4 juga dalam keterangannya turut menyatakan semasa dia periksa W1, W1 berada dalam keadaan sedar dan bukan tidak sedarkan diri.
- 4.2 Isu kedua ialah sama ada terdapat pencabulan hak asasi manusia mana - mana orang dan siapakah yang bertanggungjawab terhadap pencabulan ini. Berdasarkan kepada alasan - alasan yang dinyatakan di atas, kami berpendapat, dalam insiden ini, tiada sebarang pencabulan hak asasi manusia yang telah dilakukan oleh anggota polis.
- 4.3 Dalam keterangan W8 dan W9, mereka telah menyatakan dapat mengecam seorang anggota FRU iaitu L/Kpl 145363 SHARIZAN BIN ABDUL RASHID (W15) yang dikatakan telah memukul W1. Pengecaman W15 adalah berdasarkan keterangan W8 dan W9 yang dikatakan telah melihat W15 sebanyak 2 atau 3 kali sebelum kejadian pada 27 Mei 2008. Ia juga adalah berdasarkan keterangan bahawa W15 merupakan seorang lelaki Melayu yang 'handsome' dan tinggi. Kami berpendapat pengecaman W15 oleh

W8 dan W9 adalah tidak berasas (flawed) berdasarkan alasan-alasan berikut:-

- 4.3.1 L/Kpl 145363 Sharizan Bin Abdul Rashid (W15) dari Terup 4C FRU Cheras, dalam keterangannya menyatakan tarikh 27 Mei 2008, adalah merupakan kali pertama Terup 4C FRU Cheras diarahkan bertugas di kawasan Bandar Mahkota Cheras.
- 4.3.2 RF 112775 Abd Rahman bin Mohamad (W23) platoon sarjan Terup 4C FRU dalam keterangannya telah menyatakan pada 27 Mei 2008, merupakan kali pertama Terup 4C FRU ditugaskan di persimpangan Bandar Mahkota Cheras.
- 4.3.3 KONST 148292 MOHD AZNIEY BIN AHMAD SUPPIAN (W20), RF 161391 MUHAMMAD FIRDAUS BIN AB RASHID (W24), RF 147232 AZIRI BIN MOHAMED (W25) DAN RF 131920 SHARIL BIN HJ ISMAIL (W26), kesemua dari Terup 4C FRU dalam keterangan mereka juga telah mengesahkan bahawa tarikh 27 Mei 2008 adalah merupakan kali pertama Terup 4C FRU ditugaskan di persimpangan Bandar Mahkota Cheras.
- 4.3.4 Saksi W8 dalam keterangannya sendiri telah mengaku dia hanya 80% pasti W15 adalah orang yang berada di tempat kejadian serta camkan W15 kerana dia tinggi dan kacak. W8 juga mengaku dalam keterangannya bahawa dia keliru kerana pernah nampak insiden itu di dalam 'U Tube' di internet. W8 dan W9 menyatakan mereka camkan W15 kerana pernah lihat W15, 2 atau 3 kali sebelum kejadian itu. Adalah dihujahkan keterangan W8 dan W9 tentang pengecaman W15 semasa siasatan awam adalah 'defective' kerana tarikh 27 Mei 2008 adalah merupakan kali pertama W15 dari Terup 4C FRU bertugas di persimpangan Bandar Mahkota Cheras. W8 serta W9 juga tidak pernah melihat atau mengesahkan W15 sebelum tarikh itu. Keadaan di tempat kejadian juga kelam kabut serta penglihatan tidak jelas kerana insiden itu berlaku pada waktu malam dan kawasan itu hanya diterangi oleh lampu jalan sahaja. Di samping itu, Keterangan W8 dan W9 tentang kedudukan mereka dengan W1 adalah jauh dan menyukarkan pengecaman sesiapa.
- 4.3.5 Saksi W1, W2, W3 dan W7 sendiri yang berada pada kedudukan yang lebih hampir dengan anggota FRU yang mengerumuni kenderaan mereka tidak dapat mengesahkan

W15 sebagai orang yang memukul W1 dalam insiden tersebut, apatah lagi W8 dan W9 yang jelas berada agak jauh dari kedudukan W15.

- 4.3.6 Selain keterangan lisan yang diberikan oleh saksi - saksi, W10 dan W11 juga telah mengemukakan keterangan video (E11 - E15) dan (E19) insiden berkenaan. Apa yang dapat dilihat dengan jelas hanyalah tindakan pasukan FRU mengepung dan mengelilingi kereta terbabit tanpa sebarang kekerasan dilakukan oleh FRU. Tidak ada video atau gambar yang menunjukkan mana - mana anggota polis atau FRU memukul mana - mana orang dalam insiden tersebut. Ketulinan salinan DVD yang dikemukakan oleh W10 dan W11 diragui dan kami berpendapat eksibit tersebut telah diedit terlebih dahulu sebelum dikemukakan sebagai eksibit untuk menunjukkan kelemahan pihak polis sahaja. Ini adalah kerana tidak menunjukkan perjalanan rakaman secara kronologi dan langsung tidak menunjukkan rakaman ketika kereta berkenaan dikatakan dipandu laju ke arah anggota FRU yang sedang berkawal, sedangkan beberapa saat sebelum insiden kepungan oleh FRU tersebut, W10 dan W11 ada merakam video kereta - kereta lain yang membuat pusingan 'U' secara cermat, teratur dan terkawal.

## **5. KESIMPULAN**

Berdasarkan kepada alasan - alasan di atas, adalah dihujahkan bahawa dalam insiden di persimpangan Bandar Mahkota Cheras pada 27 Mei 2008, tindakan yang telah diambil oleh pihak polis dalam menguatkuasakan undang - undang dan mengekalkan ketenteraman awam adalah menurut oleh undang - undang. Oleh yang demikian, tidak timbul sebarang isu mengenai pencabulan hak asasi manusia mana - mana orang kerana pihak polis tidak ada menggunakan kekerasan yang melampau terhadap mana - mana pihak.